



**MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU
JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN**

**KENYATAAN TAWARAN
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**

Tawaran adalah dipelawa daripada penyebutharga / pemborong yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** (Penyewaan Dan Pengurusan Ruang Niaga) Kod **221506** dan tajuk masih berkuatkuasa dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja perkhidmatan berikut :-

1	NO. SEBUT HARGA (MBKT SH77/2021)	<p>SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN MENGURUS KARNIVAL JUALAN RAMADHAN DI DATARAN SHAHBANDAR, KUALA TERENGGANU BAGI TAHUN 2021@1442H</p> <p>TAKLIMAT : 22 MAC 2021 (BERSAMAAN 8 SYAABAN 1442H)(ISNIN) *DIWAJIBKAN JAM : 10.00 PAGI TEMPAT : DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN (DTAR), KUALA TERENGGANU TERENGGANU DARUL IMAN.</p> <p>* Hanya penama-penama dalam Sijil Kementerian Kewangan sahaja dibenarkan untuk mendaftar semasa sesi taklimat.</p>
2	NO. SEBUT HARGA (MBKT SH78/2021)	<p>SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN MENGURUS BAZAR RAMADHAN 1442H DI TEMPAT LETAK KERETA SHAHBANDAR (TLK), HADAPAN SKRIN BESAR, KUALA TERENGGANU BAGI TAHUN 2021@1442H</p> <p>TAKLIMAT : 22 MAC 2021 (BERSAMAAN 8 SYAABAN 1442H)(ISNIN) *DIWAJIBKAN JAM : 10.00 PAGI TEMPAT : DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN (DTAR), KUALA TERENGGANU TERENGGANU DARUL IMAN.</p> <p>* Hanya penama-penama dalam Sijil Kementerian Kewangan sahaja dibenarkan untuk mendaftar semasa sesi taklimat.</p>
3	NO. SEBUT HARGA (MBKT SH79/2021)	<p>SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN MENGURUS BAZAR RAMADHAN 1442H DI TEMPAT LETAK KERETA SHAHBANDAR (TLK), HADAPAN RESTORAN PERAHU/MARA, KUALA TERENGGANU BAGI TAHUN 2021@1442H</p> <p>TAKLIMAT : 22 MAC 2021 (BERSAMAAN 8 SYAABAN 1442H)(ISNIN) *DIWAJIBKAN JAM : 10.00 PAGI TEMPAT : DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN (DTAR), KUALA TERENGGANU TERENGGANU DARUL IMAN.</p> <p>* Hanya penama-penama dalam Sijil Kementerian Kewangan sahaja dibenarkan untuk mendaftar semasa sesi taklimat.</p>

1. Sesi taklimat adalah **DIWAJIBKAN** sebagaimana tarikh dan masa yang tercatat di atas. Penyebutharga / pemborong yang hadir sesi taklimat dikehendaki mengemukakan Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia. Hanya penama-penama yang tercatat pada **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** sahaja **dibenarkan** untuk hadir dan daftar kehadiran. Penyebutharga / pemborong yang tidak hadir pada sesi taklimat tidak layak mendapatkan atau membeli dokumen sebut harga ini.
2. Dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Kaunter Jabatan Kesihatan Persekutaran (Aras 6), Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman** dengan harga **RM 15.00 senaskah (Tunai / Wang Pos / Bank Draf)**. Dokumen Sebut Harga hanya dijual kepada penama-penama yang tercatat pada **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** dan membawa bersama-sama **Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** dan **satu (1) salinannya** hendaklah dibawa bersama semasa membeli **Dokumen Sebutharga** tersebut.
3. Satu (1) salinan **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** dan Rekod Pengalaman Kerja (Perkhidmatan) dalam bidang berkaitan hendaklah dikembalikan bersama sebut harga di dalam sampul surat dan dihantar ke alamat:

DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA
KUALA TERENGGANU.

dengan menulis disebelah luar " **No. Sebutharga seperti contoh MBKT SH. 77/2021** " dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Aras 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **01 April 2021 (bersamaan 18 Syaaban 1442) (Khamis)**.

4. Sebut harga ini akan dijual mulai pada **24 Mac 2021 (bersamaan 10 Syaaban 1442) (Rabu) hingga 31 Mac 2021 (bersamaan 17 Syaaban 1442)(Rabu)** pada waktu pejabat sahaja.
5. Penyebutharga / pemborong perlu melampirkan **penyata bank syarikat bagi tempoh 03 bulan** terakhir yang **disahkan oleh Pegawai Bank** berkenaan.
6. Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran yang tertinggi sekali ataupun mana-mana tawaran.
7. Penyebutharga / pemborong hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi piawaian Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi pencegahan penyakit berjangkit Coronavirus (COVID-19).
8. Penyebutharga / pemborong yang berjaya tetapi enggan menjalankan tawaran pengurusan ini selepas sebut harga disetujuterima atau menarik balik sebut harga selepas keputusan dibuat maka lesen penyebutharga / pemborong akan disyorkan untuk disenarai hitamkan kepada pihak berwajib.

t. t.

.....
(HAJI SHAHIDAN BIN EMBOK)

Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.